

## Rogol berkumpulan : Kenapa begitu keji?

Laporan baru-baru ini mengenai seorang gadis berumur 15 tahun yang dikatakan dirogol oleh lebih dari 30 orang lelaki telah menggemparkan masyarakat amnya. Menurut laporan akhbar juga, pihak polis telah memulakan siasatan dan sebahagian suspek-suspek telah ditangkap. Media turut melaporkan bahawa mungkin terdapat mangsa kedua iaitu seorang gadis yang berumur 17 tahun yang dikatakan telah tampil membuat laporan. Pihak polis telah memaklumkan pihak media bahawa kebanyakan suspek didapati positif ujian dadah dan “.....tindakan mereka ini dilakukan adalah kerana dipengaruhi oleh dadah...”

Kita sewajarnya jelas bahawa, walaupun dadah atau alkohol boleh membawa kepada tingkah laku yang lebih buruk, kurang kawalan diri, atau boleh mengaburi daya pemikiran seseorang, ianya tidak menghalalkan atau memaafkan tindakan merogol. Penggunaan dadah sahaja tidak mengubah seorang penagih kepada seorang perogol, masih ada pilihan jelas yang dibuat oleh pelaku sesuatu jenayah.

Di sini kita syaki sekumpulan lelaki, yang kononnya berada di bawah pengaruh dadah, yang dikatakan memilih untuk pergi ke tempat dan masa tertentu, bagi mengambil kesempatan atas seorang kanak-kanak perempuan (bukan sekali malah berkali-kali). Perbuatan yang dilaporkan telah dilakukan mereka ini seakan-akan mencadangkan wujud elemen perancangan lebih awal. Jika ada perancangan awal, dadah yang dikatakan boleh mengaburi daya pemikiran mereka, tidak pula menghalang pemikiran mereka untuk berlaku ganas dan memilih untuk merogol. Jelas bahawa dadah tidak menukar seorang lelaki menjadi seorang perogol; sebaliknya mentaliti perogol yang menjadikannya sedemikian.

Apa agaknya yang terlintas di fikiran mereka; seandainya telah sanggup memukul kanak-kanak tersebut sehingga tidak sedarkan diri, kemudian merogol beliau berkali-kali dengan ganas sehingga mangsa cedera parah. Kelakuan sebegini mencerminkan betapa dalamnya sikap menjadikan perempuan sebagai objek seks, bagaimana ia begitu kukuh di dalam minda lelaki-lelaki ini. Apakah aspek di dalam budaya kita yang menggalakkan atau membenarkan mereka berasa mereka berhak untuk mendera dan menyalahgunakan tubuh wanita dengan cara sebegitu kejam?

Lebih mengejutkan lagi, media turut melaporkan bahawa kebanyakan suspek mempunyai pertalian darah di antara satu sama lain, termasuk seorang bapa dan kedua-dua anak lelakinya disyaki bersama-sama merogol. Jika betul mereka terbabit di dalam kejadian rogol ini, maka apakah pengajaran tentang sikap “kejantanan” yang ingin diajar oleh bapa ini kepada anak-anaknya? Adakah pepatah melayu “bapak borek, anak rintik” terpakai di sini?



Gabungan Organisasi Wanita Bertindak bagi Kesamarataan Gender (JAG) amat bimbang dengan budaya rogol yang kian menular di negara kita- suatu budaya yang menggalakkan lelaki melakukan kekerasan dan keganasan terhadap perempuan; di mana keganasan seringkali secara seksual ; di mana wanita dianggap sekadar objek pemuas nafsu dan bukan dilayan seperti manusia yang punya maruah dan perasaan; ; di mana mangsa-mangsa yang sentiasa dipersalahkan, di mana pelaku keganasan dimaafkan atau diberi alasan. Betapa malunya kita, yang kononnya dikatakan sebuah negara begitu bernilai murni dan kuat cenderung ke arah nilai-nilai moral dan agama.

Kita perlu menilai secara kritikal masyarakat kita sendiri. Kita perlu basmi sehingga ke akar umbi segala unsur yang menyokong budaya rogol ini. Sebahagian besar daripada usaha ini termasuklah menekankan pada semua lelaki, samada kanak-kanak atau dewasa, bahawa menjadi lelaki tidak bermaksud melakukan kekerasan, kelakuan seks ganas bukannya menjadikan seseorang itu "jantan", dilahirkan sebagai lelaki tidak menjadikan seseorang itu istimewa atau berkuasa, hingga perlu menganiaya wanita. Melainkan kita berhenti melihat wanita sebagai sekadar objek, dan masyarakat secara amnya menerap pemahaman bahawa lelaki dan wanita perlu membantu satu sama lain dan mengamalkan budaya saling menghormati, , pencabulan dan keganasan seksual akan terus berlaku.

Hanya jika kita mampu mengubah cara pemikiran dan kelakuan terhadap wanita, barulah kita dapat menghentikan jenayah keji sebegini.

***Diterbitkan oleh Gabungan Organisasi Wanita Bertindak bagi Kesamarataan Gender (JAG):***

*Women's Centre for Change, Penang (WCC)*

*Persatuan Kesedaran Komuniti Selangor (EMPOWER)*

*All Women's Action Society (AWAM)*

*Association of Women Lawyers (AWL)*

*Persatuan Sahabat Wanita Selangor*

*Perak Women for Women Society (PWW)*

*Sabah Women Action Resource Group (SAWO)*

*Sisters in Islam (SIS)*

*Tenaganita*

*Women's Aid Organisation (WAO)*

3 Jun 2014